

02/06/1999

ITTF pilih Malaysia anjurkan ping pong dunia

Rudy Sham Ab Raof

BUAT julung kalinya, Persekutuan Ping Pong Antarabangsa (ITTF) memberi penghormatan kepada Malaysia untuk menjadi tuan rumah Kejohanan Ping Pong Dunia Ke-45 bagi acara berpasukan.

Kejohanan yang memerlukan belanja kira-kira RM6 juta itu akan berlangsung di Stadium Putra, Bukit Jalil dari 19 hingga 26 Februari depan dan dijangka membabitkan penyertaan 110 negara.

Presiden Persatuan Ping Pong Malaysia (TTAM), Datuk Chan Kong Choy, berkata kejohanan itu sepatutnya diadakan di Yugoslavia tetapi terpaksa dibatalkan berikutan keadaan negara itu yang agak meruncing.

"Ketika mesyuarat ITTF di Shanghai akhir bulan lalu, empat negara iaitu Perancis, Sweden, India dan Malaysia berminat menjadi pengganti Yugoslavia dan ITTF mendapati kita lebih berhak.

"Ini berikutan kelengkapan dan kemudahan yang ada di Malaysia bertaraf dunia serta berpengalaman menganjurkan kejohanan berprestij seperti Sukan Komanwel.

"Malaysia juga sebelum ini pernah menjadi tuan rumah Kejohanan Ping Pong Asia pada 1986," katanya dalam sidang akhbar di Kuala Lumpur, semalam.

Kong Choy yang juga Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia berkata Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, bersetuju dengan langkah TTAM itu kerana berpendapat ia boleh membangunkan lagi pembangunan sukan tanah air serta mempertingkatkan industri pelancongan negara.

Sehubungan itu, TTAM akan membentuk sebuah jawatankuasa yang dikenali sebagai majlis pengelolaan kejohanan dalam usaha melicinkan lagi perjalanan pertandingan itu.

"Kami akan melantik beberapa tokoh sukan negara untuk membantu menghangatkan lagi suasana kejohanan itu. Antara tokoh yang dijemput menganggotai majlis itu ialah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang akan menjadi penaung.

"Kita juga akan melantik Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik; Presiden Majlis Olimpik Malaysia (MOM), Tunku Imran Tuanku Ja'afar dan Tan Sri Muhyiddin sebagai penasihat," katanya.

Kong Choy berkata pada awalnya TTAM mendapati penganjuran itu agak berat kerana masa yang diberikan terlalu singkat.

(END)